



Ruj. Kami : KKM.S. 500-2/58/13 JLD 4 (2)  
Tarikh : 14 November 2025

## SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

### URUSAN PEMANGKUAN BAGI PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN GRED N1 KE GRED N2 DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia (BSM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan pemangkuan bagi **Pembantu Penyediaan Makanan Gred N1 ke Gred N2**. Sehubungan dengan itu, kerjasama pihak YBhg. Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan adalah dimohon untuk mengemukakan permohonan pegawai yang layak untuk dipertimbangkan berdasarkan syarat-syarat seperti berikut:

- (a) telah disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) **telah berkhidmat di Gred N1 sebelum atau pada 31 Disember 2014;**
- (c) **tidak hilang kekananan yang boleh menyebabkan tarikh lantikan pegawai di Gred N1 berubah ke tarikh 01 Januari 2015** disebabkan faktor-faktor berikut:
  - i. dilanjutkan tempoh percubaan dengan denda;
  - ii. semua jenis cuti yang tidak dibayar gaji atau dibayar separuh gaji kecuali Cuti Belajar Separuh Gaji atau Cuti Belajar Tanpa Gaji yang diluluskan oleh pihak berkuasa berkenaan;
  - iii. pegawai yang pernah dilantik ke jawatan dalam skim lain tetapi kemudiannya kembali ke skim perkhidmatan terdahulunya;
  - iv. tidak hadir bertugas (THB) tanpa cuti, tanpa kebenaran atau tanpa sebab munasabah; dan
  - v. terlebih mengambil Cuti Rehat yang berkecualan.

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



CERTIFIED TO ISO 9001 :2015  
CERT. NO : QMS 03659



CERTIFIED TO ISO 9001 :2015  
CERT. NO : QMS 03659

- (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan / Ketua Perkhidmatan;
- (e) mencapai tahap prestasi perkhidmatan yang ditetapkan (Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT) **minimum 85%** dan ke atas bagi **3 tahun terkini** berdasarkan wajaran yang ditetapkan serta markah prestasi **tahun akhir (2024)** hendaklah sekurang-kurangnya **85%**);
- (f) bebas daripada tindakan dan hukuman tatatertib;
- (g) telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang ditetapkan (dalam 5 tahun terkini);
- (h) lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
- (i) bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar oleh institusi pinjaman pendidikan.


3. Calon yang **tidak layak memohon** bagi urusan ini adalah:

- a) pegawai yang **menolak** tawaran pemangkuan dalam urusan **ke Gred N2 (N22) sebelum ini (berkuat kuasa mulai atau selepas 01.08.2024)**; dan
- b) pegawai yang **telah diperakukan** kenaikan pangkat secara *Time – Based* Berasaskan **Kecemerlangan (TBK) 13 tahun ke Gred N2 (N22)**.

4. Calon yang layak memohon hendaklah mengemukakan permohonan dengan menggunakan **Borang NPS(M) 1/2015 Pindaan 2023** seperti dilampirkan dan dikemukakan lengkap dengan satu (1) salinan dokumen sebagaimana senarai semak di **Lampiran A**. Unjuran kekosongan jawatan di zon Semenanjung, Sabah dan Sarawak pada tarikh iklan dibuka adalah seperti di **Lampiran B**.

5. Calon yang memohon juga hendaklah **bersedia dan sanggup menerima pertukaran sekiranya berjaya ditawarkan pemangkuan** untuk mengisi kekosongan semasa di negeri yang berkenaan. Berdasarkan **Perkara 36 dalam MyPPSM UP.3.1.1**, Lembaga Kenaikan Pangkat (LKP) boleh mengenakan **penalti** kepada pegawai yang **menolak tawaran pemangkuan** dengan **tidak menimbangkan pemangkuan** pegawai tersebut bagi tempoh **enam (6) bulan** dari tarikh surat penolakan / tarikh melaporkan diri yang ditetapkan **atau satu urusan, yang mana terkemudian**.

6. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan pemangkuan ini adalah pada **26 Disember 2025 (Jumaat)**. Surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan pemangkuan ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi KKM atau diakses melalui Kod Pautan Pantas (Kod QR) berikut:



7. Semua dokumen permohonan bagi urusan pemangkuan ini hendaklah dihantar ke alamat di bawah:

Bahagian Sumber Manusia  
Unit Naik Pangkat (Pelaksana)  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 9, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62590 W. P. PUTRAJAYA**  
(u.p.: Nur Izzatul Hazwani binti Hassin)

8. Sukacita diingatkan dalam pertimbangan sesuatu urusan pemangkuan, adalah menjadi tanggungjawab YBhg. Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan untuk memastikan **perakuan Penyelia dan Ketua Jabatan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa**. Untuk makluman, perkara ini telah mendapat perhatian serius daripada LKP I KKM yang memutuskan agar surat teguran diberikan kepada mana-mana penyelia dan Ketua Jabatan yang membuat perakuan pemangkuan/ kenaikan pangkat yang tidak selari dengan prestasi semasa pegawai.

9. Dimaklumkan juga bahawa calon-calon yang mempunyai rekod THB atau cuti rehat melebihi kelayakan tetapi belum diambil tindakan atau dijatuhkan hukuman tatatertib adalah layak dipertimbangkan pemangkuan sekiranya memenuhi kelayakan dan syarat-syarat yang dinyatakan di perenggan 2. Walau bagaimanapun, **Ketua Jabatan bertanggungjawab** untuk memastikan **tindakan tatatertib dilaksanakan dengan segera** supaya urusan pengesahan kenaikan pangkat pegawai tidak terjejas.

10. Pihak YBhg. Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan dimohon untuk **menghebahkan** perkara ini kepada semua pegawai yang berkenaan dan memastikan **hanya permohonan daripada calon yang memenuhi syarat** sahaja dikemukakan ke Bahagian ini. Selain itu, semua maklumat yang dikemukakan hendaklah disemak dan disahkan tepat berdasarkan Buku Rekod Perkhidmatan pegawai yang terkini. **Sebarang kesilapan fakta yang telah disahkan boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan.** Permohonan yang **lewat diterima atau tidak lengkap** dengan dokumen yang diperlukan **tidak akan diproses.**


11. Sebarang pertanyaan YBhg. Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan boleh menghubungi Cik Siti Noor Jannah binti Noor Rahmat di talian 03-88832742. Kerjasama pihak YBhg. Dato'/ Datin/ Dr./ tuan/ puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HAFEEZAH BINTI ABDUL HALIM)**

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k:    -       SUB (SM)  
              -       TSUB (NPP)  
              -       KPSUK (PP)

## SENARAI EDARAN:

- |                                                                            |                                                                    |
|----------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------|
| - Setiausaha Bahagian<br>Bahagian Khidmat Pengurusan                       | Mohon panjangkan ke<br>semua Bahagian/Jabatan di<br>IPKKM          |
| - Setiausaha Bahagian<br>Bahagian Pengurusan Latihan                       | Mohon panjangkan ke<br>semua institusi latihan KKM<br>di bawah BPL |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Kedah              |                                                                    |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Perlis             |                                                                    |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang       |                                                                    |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Perak              |                                                                    |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Selangor           |                                                                    |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan           |                                                                    |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Melaka             |                                                                    |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Johor              |                                                                    |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Pahang             |                                                                    |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu         |                                                                    |
| - Pengarah Kesihatan Negeri<br>Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan           |                                                                    |
| - Pengarah<br>Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya |                                                                    |
| - Pengarah<br>Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan                 |                                                                    |

## **SENARAI EDARAN**

- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
- Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Pengarah  
Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah  
Institut Perubatan Respiratori
- Pengarah  
Institut Kanser Negara
- Pengurus  
Institut Kesihatan Negara
- Pengarah  
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
- Pengarah  
Pusat Darah Negara
- Pengarah  
Bahagian Regulatori Farmasi Negara
- Pengarah  
Pusat Pergigian Kanak - Kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia

## **JABATAN KADER**

- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA)  
Kementerian Kemajuan, Desa dan Wilayah (KKDW)
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)  
Kementerian Dalam Negeri (KDN)

## LAMPIRAN A

### SENARAI SEMAK (*CHECKLIST*) BAGI URUSAN PEMANGKUAN JAWATAN KUMPULAN PELAKSANA, KKM

Sila pastikan dokumen yang dihantar adalah lengkap dan disusun dengan kemas mengikut susunan berikut.

|                                                                                                                                                                                                                                                                              | ADA                      | / TIADA                  |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------|--------------------------|
| 1. Borang NPS(M) 1/2015 Pindaan 2023                                                                                                                                                                                                                                         | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| <br><small>NPS(M)1/2015.2023</small>                                                                                                                                                        |                          |                          |
| 2. Borang PP-1                                                                                                                                                                                                                                                               | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 3. Salinan Buku Rekod Perkhidmatan yang telah dikemaskini dan lengkap                                                                                                                                                                                                        | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 4. Pengesahan opsyen SSPA (salinan borang opsyen SSPA atau catatan di dalam BRP yang telah dikemaskini)                                                                                                                                                                      | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 5. Borang Opsyen ( <i>bagi pegawai yang terlibat sahaja</i> ):                                                                                                                                                                                                               | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| i) <b>PP 8 Tahun 2009 - Penggubalan Skim Perkhidmatan Pegawai Penyediaan Makanan dan Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Tukang Masak</b><br>- Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan Ke Skim Perkhidmatan Tukang Masak Di Bawah Klasifikasi Perkhidmatan Pentadbiran Dan Sokongan |                          |                          |
| 6. Salinan kelulusan tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)                                                                                                                                                                                          | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 7. Salinan surat telah melaksana pengisytiharan harta ( <i>5 tahun terkini</i> )                                                                                                                                                                                             | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 8. Lampiran 1 – Pengesahan Markah LNPT<br>( <i>Sila sertakan salinan LNPT 3 tahun terakhir bagi mukasurat pertama yang memaparkan nama/maklumat pegawai dan muka surat yang mengandungi jumlah markah keseluruhan LNPT sahaja</i> )                                          | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |

**LAMPIRAN B**

**MAKLUMAT UNJURAN KEKOSONGAN  
PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN GRED N2  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
(Unjuran kekosongan sehingga Disember 2026)**

| <b>BIL.</b>   | <b>ZON</b>         | <b>KEKOSONGAN</b> |
|---------------|--------------------|-------------------|
| <b>1.</b>     | <b>SEMENANJUNG</b> | <b>0</b>          |
| <b>2.</b>     | <b>SARAWAK</b>     | <b>1</b>          |
| <b>3.</b>     | <b>SABAH</b>       | <b>1</b>          |
| <b>JUMLAH</b> |                    | <b>2</b>          |

**\*maklumat di atas adalah berdasarkan unjuran sahaja dan mungkin berubah dari semasa ke semasa.**



Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Bahagian Sumber Manusia,  
Unit Naik Pangkat (Pelaksana),  
Aras 9, Blok E7, Parcel E,  
**62590 W.P. PUTRAJAYA**

**SURAT AKUAN  
PINJAMAN PENDIDIKAN INSTITUSI / TABUNG PENDIDIKAN**

Saya..... No. K.P : .....  
mengesahkan bahawa:

☐ Saya tidak ada mengambil pinjaman pendidikan daripada mana-mana institusi / tabung pendidikan;

☐ Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada ..... mulai tarikh .....hingga.....sebanyak RM ..... dan.....mulai tarikh ..... hingga.....sebanyak RM ..... Saya mengesahkan masih belum membuat bayaran;

☐ Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada ..... mulai tarikh ..... hingga .....sebanyak RM ..... dan pada masa ini sedang membuat pembayaran secara bulanan melalui pembayaran tunai / potongan gaji mulai .....;

☐ Saya ada mengambil pinjaman pendidikan daripada ..... mulai tarikh ..... hingga .....sebanyak RM ..... dan saya telahpun menyelesaikan sepenuhnya pinjaman pada .....

**PERAKUAN**

Saya mengaku bahawa pengisytiharan yang dinyatakan di atas adalah benar. Sekiranya tidak benar, saya boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan 4(f) dan Peraturan 4(g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

.....  
Tandatangan Pegawai

Nama :

Jawatan :

Alamat Pejabat :

Tarikh :

LAMPIRAN 1

PENGESAHAN MARKAH LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN (LNPT)  
BAGI TAHUN 2022, 2023 DAN 2024  
PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN  
GRED N1 KE GRED N2

| BIL. | NAMA PEGAWAI | NO. KAD<br>PENGENALAN | LAPORAN PENILAIAN PRESTASI<br>TAHUNAN |       |       |
|------|--------------|-----------------------|---------------------------------------|-------|-------|
|      |              |                       | .....                                 | ..... | ..... |
| 1.   |              |                       |                                       |       |       |

Disediakan oleh :

.....

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Disahkan oleh :

.....

Nama :

Jawatan :

Tarikh :